

07 JUN, 2020

HOC, sifar RPGT rancakkan sektor harta tanah

Berita Harian Ahad



HOC, sifar RPGT rancakkan sektor harta tanah

Menyedari keadaan pasaran harta tanah yang sedang lembap ketika ini disebabkan oleh pandemik COVID-19, kerajaan mengumumkan tiga inisiatif bagi membantu merancakkan kembali industri berkenaan selain untuk membantu pembeli rumah dari segi kewangan.

Inisiatif pertama ialah pengenalan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC).

Melalui kempen itu, pengecualian duti setem akan diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai antara RM300,000 hingga RM2.5 juta.

Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik adalah terhad kepada RM1 juta pertama nilai rumah kediaman berkenaan.

Bagi perjanjian pinjaman, pengecualian sepenuhnya duti setem diberikan.

Pengecualian itu akan berkuatkuasa



bagi perjanjian jual beli yang ditandatangani mulai 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021 tertakluk kepada syarat pemberian diskon sekurang-kurangnya 10 peratus oleh pihak pemaju.

Kedua, pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) diberikan kepada individu warganegara Malaysia ke atas pelupusan rumah kediaman yang dibuat mulai 1 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021.

Pengecualian ini bagaimanapun dihadkan bagi pelupusan tiga unit rumah kediaman sahaja untuk setiap individu.

Selain itu, had pembiayaan bagi pinjaman rumah ketiga dan seterusnya bernilai RM600,000 ke atas tidak lagi tertakluk kepada 70 peratus daripada nilai rumah, semasa tempoh program HOC, tertakluk kepada pengurusan risiko dalaman institusi kewangan.